



Terjumpa Cincin Emas!

Ulama menggariskan cara hebahannya melalui beberapa cara hebahan di tempat-tempat umum seperti pasar, pintu masjid dan tempat kehilangan tersebut.

“Di mana hukum terhenti berlaku, di situlah kezaliman mulai bermaharajalela.” (John Milton)

Q Bagaimanakah dengan barang yang kita beli apabila baru kita sedari sebenarnya barang tersebut adalah barang curi?

A Kontrak jual beli adalah terbatal kerana barang tersebut bukan milik penjual. Pembeli wajib memulangkan barang tersebut kepada pemilik asal dan meminta kembali harga bayaran daripada penjual. Penjual juga wajib memulangkan wang tersebut.

Q Bagaimana dengan barang yang kita jumpa seperti cincin emas? Bolehkah kita memakainya sebelum mendapat tahu tuan punya dan ke mana harus kita hantar barang yang dijumpai tersebut?

A Barang berharga yang dijumpai hendaklah disimpan di tempat yang selamat dan tidak digunakan. Ulama menggariskan cara hebahannya melalui beberapa cara bersesuaian dengan zaman mereka. Antara cara-cara yang disebut adalah hebahan di tempat-tempat umum seperti pasar, pintu masjid dan tempat kehilangan (ditemui) barang tersebut sebanyak dua kali sehari selama seminggu, dan berterusan sekali seminggu selama setahun. Dalam konteks sekarang, terdapat cara-cara seperti menampal iklan, hebahan melalui internet dan sebagainya.

Manakala menyerahkannya kepada Baitul Mal atau Jabatan Agama, saya tidak pasti sama ada mereka mempunyai unit untuk menerima barang-barang tersebut secara tersusun. Sekiranya ada, pihak *multaqit* (orang yang menjumpai) boleh menyerahkan kepada mereka.

Multaqit juga boleh menggunakan bantuan imam-imam masjid untuk meuar-uarkan kehilangan barang-barang tersebut, tetapi perlu diingat meuar-uarkan di dalam masjid hukumnya makruh kerana mengganggu jemaah dan terdapat hadis yang jelas mengenai perkara tersebut. Namun demikian, sebahagian ulama semasa mengharuskan meuar-uarkan kehilangan menggunakan 'speaker luar' masjid kerana tidak berlaku

gangguan kepada orang-orang di dalam masjid.

Setelah tamat tempoh setahun dan pemilik masih belum menuntut barang tersebut, pemegang boleh menggunakan barang tersebut. Namun sekiranya pemiliknya datang menuntutnya, pemegang wajib mengembalikannya atau menggantikan dengan nilai barang tersebut sekiranya barang telah dijual.

Q Bagaimana konsep ganti rugi dalam Islam? Adakah semua barang boleh dituntut ganti rugi atau bergantung pada perjanjian khusus yang telah dibuat?

A Dalam jual beli, apabila termeterinya kontrak, pembeli masih mempunyai *khiyar syarat* selama tiga hari (selain jual beli mata wang dan emas) atau tempoh yang dipersetujui, sama ada meneruskan atau memulangkan kembali, kecuali jual beli yang mensyaratkan tidak boleh dipulangkan.

Manakala *khiyar al-aib* (kecacatan), pembeli masih berhak menuntut pembatalan kontrak atau ganti rugi sekiranya kecacatan tersebut adalah kecacatan lama (kecacatan sebelum urus niaga). Dalam konteks sekarang, sedikit kecacatan pada barang (yang tidak mengubah sifat barang-barang) khususnya barang-barang mahal, keharusan mendapatkan ganti rugi bukan bererti pembeli layak membatalkan kontrak.

Sebaliknya pembeli berhak mendapatkan pembaikan secara percuma, atau ganti rugi jika

barang gagal dibaiki. Sekiranya pembeli mahu membatalkan kontrak yang termeteri dan penjual enggan, pembeli mesti mendapatkan perintah mahkamah atau tribunal untuk memerintahkan kontrak *difasakh*.

Q Seorang lelaki gila atau kurang waras datang ke kedai makan saya dan ingin membeli makanan. Lelaki tersebut ternyata mempunyai wang tetapi saya meragui daripada sumber mana wang yang ada padanya. Apakah hukum saya menjualkan makanan kepadanya?

A Gila ada banyak jenis. Ada gila yang berterusan dan ada gila sementara dan ada juga sekejap gila dan sekejap waras. Transaksi orang gila berterusan adalah tidak sah walaupun dia mempunyai wang. Bahkan walinya hendaklah menguruskannya.

Orang yang gila sekejap-sekejap, *taklif* (beban untuk beramal dan bertransaksi) masih terletak di bahunya sewaktu dia waras, dan terangkat daripadanya ketika dia gila. Pada konteks saudara, saya merasakan orang tersebut mungkin termasuk dalam golongan ini (waras ketika bertransaksi).

Buktinya, orang gila kebiasaannya tidak tahu untuk membeli sebaliknya akan mengambil sahaja barang yang diingini. Justeru, harus bagi saudara bertransaksi dengannya. Saudara tidak

diminta untuk memeriksa sumber pendapatannya.

Q Ustaz, saya ada kemusykilan melihat orang Islam bergurau tentang arak apabila ketika makan bersama teman-teman mereka, air teh yang diminum itu dikatakan air arak seperti contoh: "Jom minum arak ini!" Bagaimanakah dengan situasi seperti ini?

A Pada satu sudut, bergurau sebegini tidak mengubah keharusan meminum teh tersebut kerana teh adalah sesuatu yang harus diminum. Pada sudut yang lain, membesarkan perkara haram iaitu berbangga dengan tradisi minum arak dan meniru gayanya, boleh menjatuhkan seseorang di bawah suatu larangan yang disebut oleh hadis Nabi ﷺ sebagaimana diriwayatkan oleh Imam Abu Daud, no. 3512: "Sesiapa yang menyerupai kaum itu, dia termasuk dalam kaum tersebut." Imam Ahmad meriwayatkannya dengan lafaz yang lebih panjang.

Larangan ini bermaksud haram seseorang menyerupai sesuatu kaum khususnya pada perkara-perkara haram dan merosakkan iktikad. Larangan ini bukan sahaja dalam gaya minum perkara haram, bahkan meliputi cara berpakaian (pakaian tomboy), pakaian paderi, rahib dan sami. Sebaliknya, seorang juga dianjurkan meniru gaya dan perangai orang-orang yang soleh dan baik walaupun dia belum termasuk dalam golongan tersebut. *Wallahu ta'ala a'lam.*